

Headline	Penyelidikan HIV libat 47 universiti		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	11	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	78 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 360
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,080



Penyelidikan HIV libat 47 universiti

GEORGE TOWN – Dua projek penyelidikan berkaitan HIV/AIDS dan sumbing bibir bakal dilaksanakan oleh Rangkaian Libatsama antara Universiti-Komuniti Asia Pasifik (Apucen) melibatkan 47 universiti dari 10 negara.

Presiden Apucen, Profesor Datuk Omar Osman berkata, projek kerjasama dengan ramai rakan kongsi dan berimpak tinggi kepada masyarakat tanpa sempadan itu akan memberi penekanan kepada konsep perkongsian.

Jelas Omar yang juga Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), ia akan dibiayai oleh Yayasan Libatsama Universiti-Komuniti dijangka dilancarkan pada pertengahan tahun ini di Indonesia.

“Mesyuarat Ke-2 Majlis Apucen di Chiangmai, Thailand baru-baru ini memutuskan agar setiap program libatsama Universiti-Komuniti di rantau ini perlu memberi penekanan kepada konsep perkongsian.

“Ia penting kerana perkongsian adalah nadi dalam menentukan kejayaan program libatsama universiti-komuniti bertujuan untuk memajukan tahap sosioekonomi dan pemikiran masyarakat global,” ujarnya.

Apucen adalah inisiatif ulung Malaysia yang dipelopori USM dan telah dilancarkan di universiti itu pada 13 Julai tahun lalu.